

**PERBEZAAN PERSONALITI KESTABILAN EMOSI DALAM
KALANGAN PELAJAR PINTAR CERDAS AKADEMIK (PCA)
BERDASARKAN JANTINA DAN JENIS SEKOLAH**

***(DIFFERENCES IN THE EMOTIONAL STABILITY AMONG
ACADEMICALLY TALENTED STUDENTS BASE ON GENDER
AND DIFFERENT TYPE OF SCHOOLS)***

**Mohd Zuri Ghani*, Nik Rusila Nik Yaacob, Aznan Che Ahmad,
Rahimi Che Aman dan Zainuddin Mat Isa**

Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan
Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang

*Corresponding author: mdzuri@usm.my

Abstrak: Kajian ini bertujuan untuk melihat perbezaan personaliti kestabilan emosi dalam kalangan pelajar pintar cerdas akademik di tiga buah sekolah iaitu sekolah harian biasa, sekolah berasrama penuh dan Maktab Rendah Sains Mara (MRSM). Seramai 177 orang responden telah dipilih secara bertujuan (*purposive*) bagi memenuhi keperluan kajian. Sampel dipilih berdasarkan keputusan dalam Peperiksaan Menengah Rendah (PMR). Kesemua responden adalah merupakan pelajar cemerlang yang memperolehi gred 'A' dalam mata pelajaran yang diambil. Instrumen *Eysenck Personality Questionnaire* (EPQ) telah digunakan bagi melihat item-item mengenai personaliti kestabilan emosi. Personaliti kestabilan emosi telah dipecahkan kepada tiga trait iaitu perasaan bersalah, keyakinan diri dan kebimbangan. Hasil dapatan kajian ini telah menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan personaliti kestabilan emosi yang signifikan dalam kalangan pelajar pintar cerdas akademik berdasarkan jantina. Bagaimanapun hasil kajian ini telah menunjukkan bahawa terdapat perbezaan personaliti kestabilan emosi yang signifikan berdasarkan jenis sekolah.

Kata kunci: pelajar pintar cerdas akademik, kestabilan emosi, perasaan bersalah, keyakinan diri, kebimbangan

Abstract: The purpose of this study is to find out the differences in the emotional stability among academically talented students at three schools: daily school, boarding school, and Maktab Rendah Sains Mara (MRSM). This study involved 177 samples, enrolled through a purposive sampling technique, based on their Peperiksaan Menengah Rendah (PMR) results. All respondents received straight A's in their PMR. Eysenck Personality Questionnaire (EPQ) was used to collect the data. Personality emotional stabilization has been divided into three traits: feeling guilty, self confident, and worried. Descriptive and inferential statistic was used to analyse the data. Result showed that there was no significant difference among the academically talented students based on their gender. However, result showed that there was a significant difference in their personality emotional stabilization based on the different types of school.

Keywords: academically talented students, emotional stability, feeling guilty, self confident, worried

PENGENALAN

Pintar cerdas akademik (PCA) adalah merujuk kepada kepintaran seseorang individu dalam sesuatu bidang ilmu. Melalui kajian ini, PCA diukur berdasarkan pencapaian seseorang individu itu di dalam Peperiksaan Menengah Rendah (PMR). Pelajar-pelajar PCA pada tahap PMR adalah merupakan pelajar-pelajar yang mencapai keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan itu. Kaedah menentukan PCA berdasarkan peperiksaan setara kebangsaan ini juga telah digunakan di Hong Kong (Rosadah 2004).

Tiga jenis sekolah telah dipilih untuk melihat perbezaan mengenai personaliti kestabilan emosi PCA dalam *setting* atau suasana yang berlainan. Ini seterusnya membolehkan pengkaji mendapat input baru mengenai tiga keadaan atau jenis sekolah yang berbeza dari segi personaliti kestabilan emosi pelajar. Tiga jenis sekolah atau lokasi yang berbeza juga telah dipilih bagi membolehkan pengkaji membuat perbandingan mengenai personaliti kestabilan emosi pelajar PCA kerana mengikut Piirto (1999) dan Wu Tien Wu (2000), sekolah yang berbeza akan melahirkan pelajar yang berbeza dari aspek personaliti dan sikap.

PERNYATAAN MASALAH

Eysenck (1979) telah menyatakan bahawa faktor personaliti memainkan peranan yang penting dalam mempengaruhi pencapaian akademik seseorang pelajar. Kenyataan ini seterusnya disokong oleh Che Mah dan Mariani (2001). Walau bagaimanapun personaliti pelajar pintar cerdas akademik adalah sukar diramal malah berbeza-beza (Rosadah, 2004; Piirto, 1999; Eysenck, 1979). Perbezaan ini juga dipengaruhi oleh beberapa faktor seperti faktor jantina dan jenis sekolah atau persekitaran sekolah. Mc Dermott (1995) dalam kajiannya yang bertajuk *sex, race, class and other demographics as explanations for childrens' ability and adjustment*, ialah melaporkan bahawa ciri-ciri demografik di atas adalah mempunyai variasi dari segi keupayaan kognitif, pencapaian akademik dan penyesuaian sosial seseorang pelajar.

Campbell dan Clewell (1999) pula menyatakan bahawa pengaruh jantina adalah amat besar dalam mempengaruhi pencapaian akademik seseorang individu. Jantina boleh mempengaruhi individu dalam berbagai cara dan keadaan contohnya dalam cara berpakaian, berfikir, kesopanan, sikap, personaliti dan juga dalam pencapaian akademik. Pelajar perempuan di Amerika Syarikat dikatakan mempunyai sikap dan personaliti yang lebih berani untuk menghadapi cabaran terutamanya dalam mata pelajaran seperti Biologi, Kimia dan Fizik. Selain daripada itu, pelajar perempuan yang pintar juga dilihat lebih aktif berbanding dengan pelajar lelaki. Pelajar perempuan juga turut menunjukkan ciri-ciri

kesopanan yang tinggi dan tidak melakukan banyak masalah disiplin seperti *vandalisme*, kekejaman, membunuh diri dan salah laku seks berbanding dengan pelajar lelaki. Bagaimanapun pendapat Campbell dan Clewell (1999) ini dilihat amat berbeza dengan pandangan Piirto (1999) yang menyatakan bahawa pelajar perempuan adalah terkebelakang berbanding dengan pelajar lelaki.

Walaupun pelajar pintar cerdas mempunyai bakat dan kecerdasan yang tinggi, mereka turut mengalami tekanan hidup dan gangguan emosi (ketidakstabilan emosi), sosial, dan psikologi seperti pelajar lain (Yewchuck & Jobagy, 1991). Berikut adalah beberapa masalah yang dihadapi oleh pelajar pintar cerdas:

1. Kegagalan untuk mengawal perasaan ingin tahu

Pelajar pintar cerdas mungkin mempunyai pelbagai minat dan mungkin aktif dalam berbagai-bagai aktiviti sekolah dan luar sekolah. Dalam konteks ini, mereka perlu mengawal perasaan ingin tahu dan menggunakan tenaga dengan berkesan supaya mereka dapat menyiapkan tugas sekolah dengan baik. Mereka perlu mengimbangi, aktiviti penerokaan kreatif dengan aktiviti penemuan bersistem.

2. Kegagalan untuk mewujudkan pergaulan sosial yang baik

Pelajar pintar cerdas kerap kali menghadapi masalah untuk mewujudkan pergaulan sosial yang baik. Mereka suka kerja sendiri, tidak suka menjadi ikut-ikutan kepada kelompok rakan sebaya, dan tidak mudah tunduk kepada tuntutan budaya (Parke, 1989). Dalam konteks ini, pelajar pintar memerlukan bimbingan untuk bergaul dengan rakan sebaya dan orang dewasa, tetapi bukan mematuhi kehendak orang lain secara membuta tuli. Sebaliknya, mereka perlu belajar berdikari tanpa memisahkan diri daripada masyarakat.

3. Kegagalan untuk menerima dan memahami kebolehan diri

Pelajar pintar cerdas kadangkala merasa diri mereka bersifat "ganjil dan berbeza". Ini boleh menimbulkan perasaan terasing daripada kebanyakan pelajar lain. Dengan itu, pelajar pintar dan berbakat perlu diberi bimbingan dan didikan untuk membolehkan mereka memahami konsep perbezaan individu dan menanam rasa sedar diri bahawa setiap insan mempunyai kelebihan dan kelemahan yang tertentu. Ini semua merupakan pemberian Allah bagi menguji tahap keimanan dan ketakwaan insan.

4. Kegagalan untuk membina sistem akhlak yang mulia

Ramai pelajar pintar cerdas berminat untuk membincangkan isu-isu yang berkaitan dengan falsafah, nilai, dan etika hidup. Namun tanpa bimbingan ibu bapa atau orang dewasa yang lain, mereka tidak berupaya membina sistem nilai hidup yang memberi tempat yang sewajarnya kepada ilmu *naqliyyah*, pemikiran rasional, pengalaman empiris dan intuisi intelek.

5. Kegagalan untuk memenuhi harapan ibu bapa dan guru

Sesetengah ibu bapa menaruh harapan yang tidak munasabah sehingga menimbulkan masalah emosi dan psikologi kepada anak mereka. Yang lain pula memaksa anak mereka belajar sepenuh masa tanpa waktu rehat yang cukup (Freeman, 1993). Guru pula mewujudkan iklim bilik darjah yang tidak produktif apabila mereka membuat kesimpulan yang salah bahawa pelajar pintar cerdas "tidak membuat kesilapan dalam pembelajaran, dan dengan itu, mereka tidak memerlukan perhatian guru". Kita perlu sedar bahawa pelajar pintar cerdas, sama seperti pelajar lain, perlu memuaskan keperluan fisiologi, sosial, emosi, pencapaian, tazkiyah, dan rohani (Nik Azis, 1990). Untuk membina skim tindakan dan skim operasi yang canggih, pelajar pintar cerdas memerlukan persekitaran rumah dan iklim bilik darjah yang konstruktif. Ini adalah kerana proses refleksi dan pengabstrakan bagi membina skim tindakan dan skim operasi menjadi begitu sukar untuk dijalankan dalam suasana yang tidak tenteram.

6. Kegagalan untuk menerima orang lain

Sesetengah pelajar pintar dan berbakat menumpukan sepenuh perhatian kepada aktiviti sendiri, kecenderungan mengasingkan diri, dan sentiasa dihujani pujian sehingga mereka membina sikap memandang remeh terhadap kebolehan orang lain (Sicola, 1990). Mereka menjadi sombong dan bersifat bangga diri secara berlebihan. Dalam konteks ini, pelajar pintar perlu diberi bimbingan untuk memahami dan menghayati konsep kesedaran rohani, dengan Allah sahaja yang bersifat sempurna dan layak menerima segala pujian (Nik Azis, 1990).

Steinberg (1993) dan Steinberg dan Belsky (1991) mengemukakan teori pergolakan dan tekanan yang menyatakan masa remaja adalah satu peringkat pertikaian emosi yang tidak dapat dielakkan. Beliau percaya perubahan hormon semasa akil baligh menyebabkan perubahan atau pergolakan yang berlaku secara tiba-tiba di kalangan remaja. Pergolakan ini adalah perubahan biologis yang tidak dapat dielakkan.

Oleh yang demikian dapatlah dirumuskan bahawa pelajar pintar cerdas juga adalah merupakan insan biasa yang sudah pastinya tidak dapat lari dari masalah. Oleh itu, mereka juga sudah pastinya turut mengalami tekanan seperti insan lain, cuma mungkin cara dalam menangani tekanan itu adalah berbeza dengan pelajar normal yang lain. Jadi untuk melihat hubungan di antara faktor tekanan dengan pelajar pintar cerdas, pengkaji telah memetik instrument yang telah dipelopori oleh Hans Eysenck (1972). Walau bagaimanapun instrumen ini telah diubahsuai mengikut kesesuaian kajian ini.

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk melihat perbezaan personaliti kestabilan emosi dalam kalangan pelajar pintar cerdas akademik di tiga *setting* yang berbeza iaitu di *setting* sekolah harian biasa, sekolah berasrama penuh dan Maktab Rendah Sains Mara (MRSM). Kajian ini juga bertujuan untuk membolehkan pengkaji membuat perbandingan personaliti kestabilan emosi dalam kalangan pelajar pintar cerdas dan seterusnya melihat adakah pengaruh jantina dan jenis sekolah mempengaruhi personaliti dan sikap seseorang pelajar. Personaliti kestabilan emosi telah dibahagikan kepada beberapa trait yang berbeza; trait keyakinan diri, trait kebimbangan dan trait perasaan bersalah.

PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini cuba menjawab persoalan berikut.

1. Adakah terdapat perbezaan personaliti kestabilan emosi yang signifikan berdasarkan jantina pelajar PCA?
2. Adakah terdapat perbezaan trait-trait personaliti kestabilan emosi yang signifikan berdasarkan jantina pelajar PCA?
3. Adakah terdapat perbezaan personaliti kestabilan emosi yang signifikan berdasarkan jenis sekolah pelajar pintar cerdas akademik?
4. Adakah terdapat perbezaan trait-trait personaliti Kestabilan Emosi yang signifikan di kalangan pelajar PCA berdasarkan jenis sekolah?

HIPOTESIS KAJIAN

- Ho 1: Tidak terdapat perbezaan personaliti yang signifikan berdasarkan jantina pelajar PCA.
- Ho 2: Tidak terdapat perbezaan trait-trait personaliti kestabilan emosi yang signifikan berdasarkan jenis sekolah pelajar PCA.
- Ho 3: Tidak terdapat perbezaan personaliti kestabilan emosi yang signifikan berdasarkan jenis sekolah pelajar PCA.
- Ho 4: Tidak terdapat perbezaan trait-trait personaliti Kestabilan Emosi yang signifikan di kalangan pelajar PCA berdasarkan jenis sekolah.

METODOLOGI KAJIAN

Secara ringkasnya kajian ini telah dijalankan dengan menggunakan kaedah kuantitatif, data-data dikumpul berdasarkan soal selidik yang telah diubah suai berdasarkan *Eysenck Personaliti Questionnaires* (EPQ). Persampelan pula dibuat secara bertujuan iaitu pengkaji telah memilih pelajar yang dikategorikan 15% teratas daripada populasi keseluruhan. Analisis statistik ujian-t dan korelasi digunakan bagi melihat perbezaan min dan tahap hubungan di antara pemboleh ubah yang dikaji.

DAPATAN KAJIAN

Pengujian Hipotesis bagi Soalan Pertama Personaliti Kestabilan Emosi

Soalan 1: Adakah terdapat perbezaan personaliti kestabilan emosi yang signifikan berdasarkan jantina pelajar PCA ?

Jadual 1. Ujian-t bagi personaliti kestabilan emosi dalam kalangan pelajar PCA

Personaliti	PCA	N	Min	Sisihan Piawai	DK	t	Sig. p
Kestabilan	Lelaki	88	3.427	.333		–	
Emosi	Perempuan	89	3.432	.369	175	.089	.929

Signifikan pada aras $p < 0.05$

Jadual 1 menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara personaliti kestabilan emosi di kalangan pelajar PCA. Bagi pelajar lelaki PCA (min = 3.427, SP = .333) manakala bagi pelajar perempuan PCA (min = 3.432, SP = .369). Perbezaan min bagi kedua kumpulan ini adalah kecil iaitu hanya .0047. Sementara aras kesignifikanan juga adalah melebihi 0.05. Dengan itu hipotesis nul bagi soalan ini adalah benar dan diterima iaitu tidak terdapat perbezaan personaliti kestabilan emosi yang signifikan dalam kalangan pelajar PCA berdasarkan jantina.

Pengujian Hipotesis bagi Soalan Kedua Personaliti Kestabilan Emosi

Soalan 2: Adakah terdapat perbezaan trait-trait personaliti kestabilan emosi yang signifikan berdasarkan jantina pelajar PCA?

Jadual 2. Ujian-t bagi trait-trait personaliti kestabilan emosi dalam kalangan pelajar PCA

	PCA	N	Min	Sisihan Piawai	DK	T	Sig. p
Keyakinan Diri	Lelaki	88	3.213	.458			
	Perempuan	89	3.101	.394		1.749	.082
Kebimbangan	Lelaki	88	3.343	.427	175	-.841	.402
	Perempuan	89	3.402	.503			
Perasaan Bersalah	Lelaki	88	3.726	.498		-.877	.382
	Perempuan	89	3.793	.524			

Signifikan pada aras $p < 0.05$

Jadual 2 menunjukkan bahawa trait-trait personaliti kestabilan emosi tidak mempunyai perbezaan yang signifikan dikalangan pelajar PCA. Secara keseluruhannya perbezaan min bagi setiap trait adalah terlalu kecil, bagi trait keyakinan diri, pelajar lelaki PCA (min = 3.213, SP = .458) adalah lebih berkeyakinan daripada pelajar perempuan PCA (min = 3.101), bagi trait kebimbangan kelihatan pelajar perempuan PCA (min = 3.402, SP = .503) adalah lebih mempunyai rasa bimbang daripada pelajar lelaki PCA (min = 3.343, SP = .427). Manakala bagi trait perasaan bersalah, pelajar perempuan PCA (min = 3.793, SP = .524) mempunyai perasaan bersalah yang lebih tinggi daripada pelajar lelaki PCA (min = 3.726, SP = .498). Aras kesignifikanan juga adalah melebihi aras yang ditetapkan ($p > 0.05$), oleh itu, hipotesis nul bagi soalan ini adalah diterima iaitu tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara trait-trait personaliti kestabilan emosi berdasarkan jantina pelajar PCA.

Pengujian Hipotesis bagi Soalan Ketiga Personaliti Kestabilan Emosi

Soalan 3 : Adakah terdapat perbezaan personaliti kestabilan emosi yang signifikan berdasarkan jenis sekolah?

Jadual 3. ANOVA personaliti kestabilan emosi berdasarkan jenis sekolah

SUMBER	JKD	DF	MKD	F	Sig. p
Antara Kumpulan	1.252	2	.626	5.315	.006
Dalam Kumpulan	20.486	174	.118		
Jumlah	21.737	176			

Signifikan pada aras $p < 0.05$

Nota: JKD – Jumlah kuasa Dua, DF – Degree of Freedom, MKD – Min kuasa Dua

Jadual 3 menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara personaliti kestabilan emosi berdasarkan jenis sekolah ($F = 5.315$, $DK = 2,176$, $p < 0.05$). Keputusan ini telah memberi makna bahawa hipotesis nul bagi soalan ini adalah tidak benar dan harus ditolak. Dengan kata lain, personaliti kestabilan emosi adalah berbeza mengikut jenis sekolah. Bagi menjelaskan lagi keadaan ini ujian *post hoc* telah dijalankan dan hasil analisis adalah seperti dalam Jadual 4.

Jadual 4. Ujian post hoc personaliti kestabilan emosi berdasarkan sekolah

	(I) Sekolah	(J) Sekolah	Perbezaan min (I-J)	Ralat Piawai	Sig.	95% Paras Keyakinan	
						Had Bawah	Had Atas
<i>Tukey HSD</i>		Asrama Penuh	-.20958(*)	.06428	.004	-.3615	-.0576
	MRSM	SMK Harian Biasa	-.10419	.06244	.220	-.2518	.0434
	Asrama Penuh	MRSM	.20958(*)	.06428	.004	.0576	.3615
		SMK Harian Biasa	.10539	.06302	.219	-.0436	.2544
	SMK Harian Biasa	MRSM	.10419	.06244	.220	-.0434	.2518
		Asrama Penuh	-.10539	.06302	.219	-.2544	.0436

(bersambung)

Jadual 4. (sambungan)

(I) Sekolah	(J) Sekolah	Perbezaan min (I-J)	Ralat Piawai	Sig.	95% Paras Keyakinan		
					Had Bawah	Had Atas	
<i>LSD</i>	MRSM	Asrama Penuh	-.20958(*)	.06428	.001	-.3365	-.0827
		SMK Harian Biasa	-.10419	.06244	.097	-.2274	.0190
	Asrama Penuh	MRSM	.20958(*)	.06428	.001	.0827	.3365
		SMK Harian Biasa	.10539	.06302	.096	-.0190	.2298
	SMK Harian Biasa	MRSM	.10419	.06244	.097	-.0190	.2274
		Asrama Penuh	-.10539	.06302	.096	-.2298	.0190

* Perbezaan min adalah signifikan pada aras .05

Berdasarkan ujian *post hoc* ANOVA *Tukey* dan *LSD* di dapati pasangan kumpulan yang berbeza secara signifikan adalah hanya di antara pasangan kumpulan pelajar MRSM dan kumpulan pelajar Sekolah Berasrama Penuh yang kelihatan mempunyai perbezaan min bagi personaliti kestabilan emosi. Ini adalah kerana nilai signifikannya iaitu 0.04 (*Tukey*) dan 0.01 (*LSD*) adalah lebih kecil dari aras kesignifikanan iaitu 0.05, dengan itu hipotesis nul adalah ditolak dan secara tidak langsung ia menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan personaliti Kestabilan Emosi yang signifikan di kalangan pelajar PCA berdasarkan jenis sekolah.

Pengujian Hipotesis bagi Soalan Keempat Personaliti Kestabilan Emosi

Soalan 4: Adakah terdapat perbezaan trait-trait personaliti kestabilan emosi yang signifikan di kalangan pelajar PCA berdasarkan jenis sekolah?

Jadual 5. ANOVA trait-trait personaliti kestabilan emosi berdasarkan sekolah

Trait	Sumber	JKD	DF	MKD	F	Sig.
Keyakinan Diri	Antara kumpulan	1.723	2	.861	4.864	.009
	Dalam kumpulan	30.808	174	.177		
	Jumlah	32.530	176			
Kebimbangan	Antara kumpulan	.096	2	.048	.219	.803
	Dalam kumpulan	38.273	174	.220		
	Jumlah	38.370	176			

(bersambung)

Jadual 5. (sambungan)

Trait	Sumber	JKD	DF	MKD	F	Sig.
Perasaan Bersalah	Antara kumpulan	3.252	2	1.626	6.615	.002
	Dalam kumpulan	42.771	174	.246		
	Jumlah	46.024	176			

Signifikan pada aras $p < 0.05$

Nota: JKD – Jumlah kuasa dua, DF – Degree of freedom, MKD – Min kuasa dua

Jadual 5 menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan bagi trait-trait personaliti kestabilan emosi berdasarkan sekolah. Bagi trait keyakinan diri ($F = 4.864$, $DK = 2,176$, $p < 0.05$) dan trait perasaan bersalah ($F = 6.615$, $DK = 2,176$, $p < 0.05$). Ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa kedua-dua trait ini menunjukkan perbezaan berdasarkan jenis sekolah, dengan kata lain pelajar di sekolah yang berbeza menunjukkan keyakinan diri dan perasaan bersalah yang berbeza. Manakala trait kebimbangan tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan ($F = .219$, $DK 2,176$, $p > 0.05$). Ini menjelaskan bahawa bagi trait ini, pelajar dari sekolah yang berbeza tidak menunjukkan perbezaan dari aspek kebimbangan. Walaupun trait kebimbangan tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan, pengkaji telah menolak hipotesis nul bagi soalan kajian ini kerana trait Keyakinan diri dan trait perasaan bersalah telah menunjukkan perbezaan yang signifikan. Bagi menjelaskan lagi keadaan ini ujian *post hoc* juga telah dijalankan dan hasil dapatan adalah seperti dalam Jadual 6.

Jadual 6. Ujian *post hoc* bagi trait keyakinan diri personaliti kestabilan emosi berdasarkan sekolah

	(I) Sekolah	(J) Sekolah	Perbezaan Min (I-J)	Ralat Piawai	Sig.	95% Paras Keyakinan	
						Had Bawah	Had Atas
<i>Tukey HSD</i>	MRSMS	Asrama Penuh	-.24239(*)	.07883	.007	-.4287	-.0560
		SMK Harian Biasa	-.15368	.07657	.114	-.3347	.0273
	Asrama Penuh	MRSMS	.24239(*)	.07883	.007	.0560	.4287
		SMK Harian Biasa	.08871	.07728	.486	-.0940	.2714

(bersambung)

Jadual 6. (sambungan)

	(I) Sekolah	(J) Sekolah	Perbezaan Min (I-J)	Ralat Piawai	Sig.	95% Paras Keyakinan	
						Had Bawah	Had Atas
<i>LSD</i>	SMK Hariar Biasa	MRSM	.15368	.07657	.114	-.0273	.3347
		Asrama Penuh	-.08871	.07728	.486	-.2714	.0940
	Asrama Penuh	MRSM	-.24239(*)	.07883	.002	-.3980	-.0868
		SMK Hariar Biasa	-.15368(*)	.07657	.046	-.3048	-.0026
	SMK Hariar Biasa	MRSM	.24239(*)	.07883	.002	.0868	.3980
		SMK Hariar Biasa	.08871	.07728	.253	-.0638	.2412
	SMK Hariar Biasa	MRSM	.15368(*)	.07657	.046	.0026	.3048
		Asrama Penuh	-.08871	.07728	.253	-.2412	.0638

* Perbezaan min adalah signifikan pada aras .05

Jadual 7. Ujian *post hoc* bagi trait perasaan bersalah personaliti kestabilan emosi berdasarkan sekolah

	(I) Sekolah	(J) Sekolah	Perbezaan Min (I-J)	Ralat Piawai	Sig.	95% Paras Keyakinan	
						Had Bawah	Had Atas
<i>Tukey HSD</i>	MRSM	Asrama Penuh	-.33783(*)	.09289	.001	-.5574	-.1183
		SMK Hariar Biasa	-.16196	.09022	.174	-.3752	.0513
	Asrama Penuh	MRSM	.33783(*)	.09289	.001	.1183	.5574
		SMK Hariar Biasa	.17587	.09106	.133	-.0394	.3911

(bersambung)

Jadual 7. (sambungan)

(I) Sekolah	(J) Sekolah	Perbezaan Min (I-J)	Ralat Piawai	Sig.	95% Paras Keyakinan		
					Had Bawah	Had Atas	
LSD	SMK Harian Biasa	MRSM	.16196	.09022	.174	-.0513	.3752
	MRSM	Asrama Penuh	-.17587	.09106	.133	-.3911	.0394
		Asrama Penuh SMK Harian Biasa	-.33783(*)	.09289	.000	-.5212	-.1545
	Asrama Penuh	SMK Harian Biasa	-.16196	.09022	.074	-.3400	.0161
		MRSM	.33783(*)	.09289	.000	.1545	.5212
	SMK Harian Biasa	SMK Harian Biasa	.17587	.09106	.055	-.0039	.3556
		MRSM	.16196	.09022	.074	-.0161	.3400
		Asrama Penuh	-.17587	.09106	.055	-.3556	.0039

* Perbezaan min adalah signifikan pada aras .05

Berdasarkan ujian *post hoc Tukey* dan *LSD* bagi Jadual 7 didapati pasangan kumpulan yang berbeza secara signifikan adalah di antara pasangan kumpulan pelajar MRSM dan kumpulan pelajar Sekolah Berasrama Penuh yang kelihatan mempunyai perbezaan min yang signifikan. Bagi trait keyakinan diri iaitu 0.007 (*Tukey*) dan 0.002 (*LSD*) dan trait perasaan bersalah iaitu 0.001 (*Tukey*). Bagi ujian *LSD* kelihatan kumpulan pelajar sekolah harian biasa turut mempunyai perbezaan yang signifikan dengan kumpulan pelajar MRSM dengan aras signifikan 0.046. Jadual 7 pula menunjukkan perbezaan min yang signifikan bagi kumpulan pelajar MRSM dan kumpulan pelajar sekolah berasrama penuh dengan aras kesignifikanan iaitu 0.001 (*Tukey*) dan 0.000 (*LSD*).

Hipotesis nul: Tidak terdapat perbezaan trait-trait personaliti Kestabilan Emosi yang signifikan di kalangan pelajar PCA berdasarkan jenis sekolah (Ditolak)

PERBINCANGAN

Kajian ini bertujuan untuk melihat perbezaan personaliti kestabilan emosi dalam kalangan pelajar pintar cerdas akademik di tiga sekolah yang berbeza. Tiga jenis sekolah yang terlibat dalam kajian ini ialah sekolah harian biasa, sekolah berasrama penuh dan Maktab Rendah Sains Mara (MRSM). Perbezaan personaliti kestabilan emosi dikaji berdasarkan aspek jantina pelajar dan berdasarkan jenis sekolah yang terlibat.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara personaliti kestabilan emosi dalam kalangan pelajar pintar cerdas akademik. Dapatan kajian ini adalah bertentangan dengan kajian Mc Dermott (1995) dan kajian Campbell dan Clewell (1999) yang menyatakan bahawa faktor jantina amat berpengaruh dalam penyesuaian sosial dan psikologi pelajar.

Dapatan kajian juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara trait-trait personaliti kestabilan emosi berdasarkan jantina pelajar. Perbezaan min bagi setiap trait adalah terlalu kecil. Dapatan kajian ini tidak selari dengan dapatan kajian yang dilakukan oleh Sternberg (1991), yang mendapati remaja perempuan adalah lebih stabil dari segi trait-trait personaliti kestabilan emosi.

Bagaimanapun hasil kajian ini telah mendapati bahawa terdapat perbezaan personaliti kestabilan emosi yang signifikan berdasarkan jenis sekolah. Hal ini, memberi makna bahawa jenis sekolah adalah berperanan dalam mempengaruhi personaliti kestabilan emosi pelajar. Oleh itu, dapatan kajian ini telah menyokong kajian yang dilakukan oleh Piirto (1999) dan Wu Tien Wu (2000).

Selain itu, kajian ini juga telah mendapati bahawa terdapat perbezaan yang signifikan bagi trait-trait personaliti kestabilan emosi berdasarkan jenis sekolah. Dapatan ini menggambarkan bahawa pelajar di sekolah yang berbeza mempamerkan trait-trait personaliti yang berbeza seperti mana yang dilaporkan oleh Rosadah (2004), Piirto (1999) dan Wu Tien Wu (2000).

Kesimpulannya, kajian ini mendapati faktor jantina bukanlah merupakan indikator kepada personaliti kestabilan emosi. Walaupun pelajar perempuan sering dikaitkan dengan masalah emosi dan mempunyai tingkahlaku yang sukar diramal, namun kajian ini mendapati mereka berupaya untuk mempunyai trait-trait personaliti yang stabil. Hal ini berlaku kerana setiap pelajar adalah unik dan mempunyai keupayaan dalaman yang berbeza. Peranan ibu bapa dan guru amat signifikan dalam membentuk personaliti kestabilan emosi pelajar.

Berdasarkan hasil kajian juga, mendapati bahawa sekolah amat berperanan dalam membentuk personaliti kestabilan emosi pelajar. Budaya dan iklim sekolah yang sihat amat bermakna dalam membantu kestabilan emosi pelajar seterusnya dapat melahirkan modal insan yang cemerlang. Justeru, setiap pihak yang bertanggungjawab perlu memainkan peranan dalam mewujudkan budaya sekolah yang harmoni dan sejahtera.

BIBLIOGRAFI

- Campbell, P. and Clewell, B. C. (1999). Science, Math and girls: Still a long way to go. *Education Week*, 9, 50–51.
- Che Mah Yusof and Mariani Mohd Noor. (2001). Personaliti pelajar pintar cerdas dan hubungannya dengan pencapaian akademik. *Prosiding Konferensi Kebangsaan Kajian Pasca Siswazah*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Eysenck, H. J. (1979). Personality factors in random sample of the population. *Psychological Reports*, 44, 1023–1027.
- Freeman, J. (1993). Parents and families in nurturing giftedness and talent. In K. Heller, F. Monks and H. Passow (Eds.). *International handbook of research and development of giftedness and talent* (pp. 669–683). New York: Pergamon.
- Mc Dermott, P. A. (1995). Sex, race, class and other demographics as explanations for children's ability and adjustment: A national appraisal. *Journal of School Psychology*, 26, 26–30.
- Nik Azis Nik Pa. (1990). *Program pendidikan pelajar pintar cerdas: Teori dan praktik*. Kuala Lumpur: Jiwamas Printers Sdn. Bhd.
- Parke, B. (1989). *Gifted students in regular classrooms*. Boston, MA: Allyn & Bacon.
- Piirto, J. (1999). *Talented children and adults: Their development and education* (2nd ed.). New Jersey: Prentice-Hall.
- Rosadah Abd Majid. (2004). *Satu kajian perbandingan profil pelajar pintar cerdas akademik dengan pelajar sederhana akademik*. Unpublished doctoral dissertation, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sicola, P. (1990). Where do gifted students fit? An examination of middle school philosophy as it relates to ability grouping and the gifted learners. *Journal for the Educational of the Gifted*, 14, 37–49.

- Sternberg, R. J. (1991). Giftedness according to the triachic theory of human intelligence. In N. Colangelo and G. A. Davis (Eds.). *Handbook of gifted education* (pp. 45–54). Boston: Ally & Bacon.
- Wu Tien Wu. (2000). Talent identification and development in Taiwan. *Rooper Review*, 22(2), 131–133.
- Yewchuck, C. and Jobagy, S. (1991). Gifted adolescents: At risk for suicide. *European Journal for Higher Ability*, 2, 73–85.